This artwork is applicable for all registered pack sizes.



Panadol

Soluble

Paracetamol 500mg dan Natrium 427mg

Setiap tablet mengandungi 500mg Paracetamol, *Sorbitol, Povidone, Saccharin Sodium, Aspartame, Sodium Bicarbonate, Sodium Lauryl Sulphate, Dimethicone, Citric Acid, Sodium Carbonate, Drydex Imitation Lemon Flavour, Permaseal Lemon Powder Flavour, Imitation Lemon Flavour, Imitation Candied Sugar Flavour.*

Deskripsi Produk
Tablet putih, rata dan berbucu serong, kosong pada kedua-dua belah permukaan.

Indikasi
Paracetamol adalah sejenis analgesik dan antipiretik.
a) Untuk rawatan sakit tidak serius (sedikit hingga sederhana) termasuklah: sakit kepala, migrain, sakit otot, dysmennorhoea, sakit tekak, sakit otot dan sendi, demam dan sakit selepas vaksinasi, sakit selepas prosedur pergigian/ mencabut gigi, sakit gigi, sakit kerana radang tulang-sendi (osteoartritis).
b) Untuk melegakan demam.

Penggunaan
- Jangan melebihi dos yang disyorkan.
- Dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan dan tempoh rawatan yang paling singkat harus digunakan.
- Pengambilan secara oral sahaja.
- Pastikan anda tidak ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.
- Dos harian maksimum: 4000mg paracetamol (8 tablet).

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:
Ambil 1-2 tablet (500mg-1000mg paracetamol), dilarutkan dalam setengah gelas air setiap 4-6 jam bila perlu.

Kanak-kanak berusia 9-11 tahun:
Ambil 1 tablet (500mg paracetamol), dilarutkan dalam setengah gelas air.
Pastikan anak anda tidak ambil lebih daripada 4 dos dalam tempoh 24 jam.
Jika kesakitan berlarutan untuk lebih daripada 3 hari, sila jumpa doktor.
Dos harian maksimum mengikuti berat badan adalah 60mg/kg paracetamol dalam sepanjang tempoh 24 jam, dalam dos terbahagi.

Kanak-kanak di bawah umur 9 tahun:
Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah umur 9 tahun.

Kerosakan buah pinggang:
Pesakit yang mengalami gangguan buah pinggang mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil ubat ini. Sekatan yang berkaitan dengan penggunaan produk paracetamol pada pesakit dengan gangguan buah pinggang adalah akibat daripada kandungan paracetamol dalam ubat (sila rujuk kepada Seksyen Perhatian dan Amaran).

Kerosakan hati:
Pesakit yang mengalami gangguan hati mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil ubat ini. Sekatan yang berkaitan dengan penggunaan produk paracetamol pada pesakit dengan gangguan hati adalah akibat daripada kandungan paracetamol dalam ubat (sila rujuk kepada Seksyen Perhatian dan Amaran).

Cara Pengambilan
Pengambilan secara oral.

Kontraindikasi
Jangan ambil ubat ini sekiranya anda alah kepada paracetamol atau kandungan lain dalam ubat ini.

Perhatian & Amaran
Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kerana ia boleh menyebabkan kerosakan serius pada hati anda.

Rujuk dengan doktor anda sebelum mengambil jika anda:
- mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang.
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol.

Anda mungkin perlu mengelak dari menggunakan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah paracetamol yang anda ambil.

Rujuk dengan doktor anda sebelum mengambil jika anda:
- mempunyai jangkitan yang teruk, kekurangan zat makanan, kurang berat badan atau pengguna alkohol tinggi kronik kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuk:
  - Pernafasan yang mendalam, cepat, sukar
  - Rasa sakit (mual), sakit (muntah)
  - Hilang selera makan

Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala seperti ini.

Sila jumpa doktor jika gejala berlarutan.

Jauhkan daripada kanak-kanak. Keep out of reach of children.

Ubat ini mengandungi paracetamol. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

AMARAN ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Setiap tablet mengandungi 427mg natrium (854mg natrium dalam 2 biji tablet). Pengambilan ubat ini perlu dipertimbangkan sekiranya anda mengikut diet natrium terkawal.

Mengandungi *aspartame,* sumber bagi *phenylalanine.* Tidak sesuai untuk *phenylketonurics.*

Sentiasa membaca dan ikut arahan pada label.

131.0

10.0 | 111.0 | 10.0

8.0

Interaksi
Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil warfarin atau ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.
Kesan anticoagulant warfarin dan coumarins yang lain boleh berlaku apabila penggunaan harian paracetamol yang berpanjangan boleh meningkatan risiko berlaku pendarahan; dos yang biasa tidak mempunyai kesan yang ketara.

Mengandung dan Laktasi
Kehamilan
Seperti penggunaan ubat lain semasa mengandung, wanita hamil perlu mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil paracetamol. Dos yang paling rendah dan tempoh rawatan yang paling singkat perlu dipertimbangkan.
Laktasi
Paracetamol dikeluarkan dalam susu ibu tetapi tidak dalam kuantiti yang ketara apabila ibu mengambil dos yang disyorkan. Data yang diterbitkan tidak menghalang penyusuan.

Kesan Sampingan
Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor serta-merta jika anda:
- mengalami tindakbalas alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah pernafasan atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut.
- pernah mengalami masalah pernafasan dengan *aspirin* atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami tindakbalas yang sama dengan produk ini.
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.

Tindakbalas ini jarang berlaku.

Dari data pasca pemasaran, tindak balas di bawah ini sangat jarang berlaku:
Trombositopenia, anafilaksis, tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk, antara lain, ruam kulit, angioedema, sindrom *Stevens-Johnson* dan *toxic epidermal necrolysis*, bronkospasme pada pesakit yang sensitif terhadap *aspirin* dan *NSAID* lain, disfungsi hepatik.

Terlebih Sukatan
Jika disyaki atau terambil dos berlebihan, dapatkan rawatan perubatan serta merta kerana risiko kerosakan hati.
Simptom dan Tanda
Pengambilan dos paracetamol yang berlebihan boleh menyebabkan kegagalan hati yang boleh membawa kepada pemindahan hati atau kematian. Pankreatitis akut telah diperhatikan, biasanya dengan disfungsi hepatik dan keracunan hati.
Rawatan
Tindakan rawatan perubatan diperlukan segera sekiranya berlaku dos berlebihan, walaupun simptom terlebih dos tidak didapati.

Sekiranya berlebihan dos disahkan atau disyaki, dapatkan nasihat segera dari Pusat Racun Negara dan rujuk pesakit ke Pusat Perubatan Kecemasan terdekat untuk rawatan. Ini sepatutnya berlaku walaupun pada pesakit tanpa tanda-tanda overdos berikutan dengan risiko kerosakan hati tertunda.

Penglibatan N-acetylcysteine atau methionine mungkin diperlukan.

Dos yang tinggi kandungan natrium bicarbonat dijangka mudah mendorong gejala gastrointestinal termasuk sendawa dan loya. Di samping itu, dos yang tinggi kandungan natrium bicarbonat boleh menyebabkan hypernatremia; elektrolit perlu dipantau dan pesakit harus diuruskan dengan rawatan yang sewajarnya.

Pusat Racun Negara (Telefon: +604-657 0099, Laman web: www.prn.usm.my, Emel: prnnet@usm.my).
Kesan Keupayaan Memandu dan Menggunakan Mesin
Kurang berkemungkinan memberi kesan kepada keupayaan memandu dan menggunakan mesin.
Farmakodinamik
Mekanisme Tindakan
Paracetamol adalah sejenis analgesik dan antipiretik. Fungsi mekanismenya dipercayai termasuklah penyekatan sintesis prostaglandin, terutamanya di dalam pusat sistem saraf.
Kesan-kesan Farmakodinamik
Kurangnya penyekatan periferal prostaglandin menghasilkan sifat farmakologi yang penting seperti pemeliharaan prostaglandin yang bersifat melindungi di dalam saluran gastrousus. Oleh itu, paracetamol adalah sangat sesuai untuk pesakit yang mempunyai sejarah penyakit atau yang sedang dalam rawatan, di mana sekatan periferal prostaglandin tidak diperlukan (seperti, sebagai contoh, mereka yang mempunyai sejarah pendarahan gastrousus atau orang-orang tua).
Natrium Bicarbonate tidak mempunyai aktiviti analgesik.
Farmakokinetik
Penyerapan
Paracetamol diserap dengan pantas dan hampir keseluruhannya daripada saluran gastrousus.
Pengagihan
Pautan kepada protein plasma adalah minimum pada kepekatan terapeutik.
Metabolisme
Paracetamol dimetabolismekan di dalam hati dan dikeluarkan melalui air kencing terutamanya sebagai glukuronida dan sulfat konjugat.
Penyingkiran
Kurang daripada 5% dikumuhkan sebagai paracetamol yang tidak diubahsuai.

Dalam satu kajian farmakokinetik dengan sukarelawan manusia, kepekatan serum yang maksimum dicapai selepas 20 minit (median t_{max}) dalam keadaan berpuasa adalah jauh lebih cepat daripada tablet paracetamol standard ($p = 0.007$). Kadar penyerapan dalam tempoh 20 minit pertama selepas dos ($AUC_{0-20\ min}$) adalah jauh lebih besar daripada untuk tablet paracetamol standard ($p = 0.0028$). Jumlah penyerapan ($AUC_{0-\infty}$) adalah bersamaan dengannya untuk tablet paracetamol standard di dalam keadaan berpuasa.
Cara Penyimpanan
Simpan di bawah suhu 30°C.
Saiz Pek
20 dan 120 tablet.

Tarikh Dikemaskini: Jun 2020.

Dikilangkan oleh:
GlaxoSmithKline Dungarvan Limited
Knockbrack, Dungarvan, Co. Waterford, Ireland.
Untuk Pemegang Pendaftaran Produk:
Malaysia - GlaxoSmithKline Consumer Healthcare Sdn. Bhd. (3467-X),
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu Kelang Industrial Estate,
68000 Ampang, Selangor, Malaysia.
Brunei - Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd.
Plot 73 & Lot 3, 4, 5 & 6, Beribi Industrial Complex,
Jalan Gadong BE 1118, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 673-2450102

1-800-88-3225 **ml.customer-relations@gsk.com**

Cap dagangan adalah dimiliki oleh atau dilesenkan kepada kumpulan syarikat GSK.
©2020 kumpulan syarikat GSK atau pemberi lesennya.

62-54866 /
CAZ-910

104.0 | 187.0 | 208.0 | 13.0 | 4.0

PHARMA CODE REF IS: 1778
VARIABLE
20.0

2.0 | 8.0 | 65.5 | 12.0